

MUZIK ETNIK SARAWAK DAN SABAH DALAM BILIK DARJAH

Oleh

Chong Pek Lin
Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching
email: peklin_chong@yahoo.com

1.0 Pengenalan

Menurut falsafah pedagogi muzik kontemporari, konsep-konsep muzik seperti melodi dan irama elok diajar dengan menggunakan bahan muzik tradisional daripada kebudayaan tempatan. Kertas kerja ini akan memperkenalkan pendekatan baru dalam pengajaran muzik di bilik darjah, iaitu dengan menggunakan bahan muzik tradisional Sarawak dan Sabah dalam pengajaran solfa, harmoni, dan irama.

2.0 Latar Belakang

Walaupun terdapat pelbagai *genre* lagu dan muzik instrumental di Sarawak dan Sabah yang sesuai diajar di peringkat sekolah dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), sumber rujukan dan bahan pengajaran memang saya akui amat terhad. Usaha ini merupakan sambungan kepada inisiatif-inisiatif lain yang saya pernah libatkan diri yang merangkumi aktiviti penerbitan, perbengkelan serta projek seperti penerbitan buku-buku *Songs from the Kenyah Community* (1998) dan *Songs from the Baram* (2006); pengendalian Bengkel Induksi Muzik Etnik Sabah dan Sarawak untuk pensyarah-pensyarah muzik seluruh Malaysia (2005); dan Projek *From Upriver longhouses to the modern classroom* (2004-2006) yang dijalankan secara usahasama dengan *Sarawak Development Institute* dan projek tersebut dibiayai oleh *United States Ambassador's Cultural Restoration Fund*. Usaha-usaha tersebut telah membawa kepada penganugerahan *The ISME-Gibson Award for music education* semasa Persidangan Pendidikan Muzik Sedunia pada Julai 2006. Ekoran ini, saya telah diberikan *grant* sebanyak US\$ 20,000.00 untuk menjalankan projek pembangunan pendidikan muzik yang dipusatkan di Institut Perguruan Batu Lintang.

3.0 Inovasi

Kertas kerja ini seterusnya membincangkan tiga aspek inovasi yang diketengahkan dalam seminar ini. Pertamanya, lagu Kenyah dan Kadazandusun yang merupakan bahan pengajaran yang amat sesuai untuk pengajaran muzik melalui pendekatan *Kodaly Choral*. Ini berdasarkan set ton lagu yang kebanyakannya dimainkan dalam skel pentatonik anhemitonik. Kaedah Kodaly menegaskan pengajaran muzik melalui nyanyian dan bermula dengan lagu dalam skel pentatonik anhemitonik. Dalam kebudayaan Kenyah dan Kadazandusun, lagu-lagu ini juga sesuai digunakan untuk mengiringi gerak tari tradisional. Ini amat sesuai sebagai

aktiviti gerakan berirama dalam bilik darjah berdasarkan aplikasi kaedah Orff dan Dalcroze.

Inovasi kedua ialah penggunaan alat muzik etnik Bidayuh dan Kenyah menggantikan alat-alat muzik yang mahal seperti alat perkusi Orff. Ensemble *peruncung* Bidayuh merupakan bahan pengajaran sesuai untuk aplikasi pendekatan Orff yang mana murid-murid mempelajari pola irama dan kemahiran ensemble melalui permainan alat perkusi. *Jatung utang*, sejenis zailofon kayu daripada kaum Kenyah menyerupai alat metalofon Orff yang mudah dikuasai oleh murid-murid sekolah. Tambahan pula, alat-alat muzik Kenyah *jatung utang*, *sape* dan *lutong* menggunakan skel pentatonik dan dapat digunakan sebagai iringan lagu pentatonik, menggantikan alat iringan kibod ataupun piano.

Bagi sekolah menengah pula, ensemble Kenyah sesuai dipertimbangkan sebagai ensemble pilihan yang dapat ditawarkan kepada pelajar mata pelajaran Muzik menggantikan ensemble *caklempong* yang berasal daripada komuniti Minangkabau di Sumatra (genre ini tidak wujud di Borneo). Ini merupakan inovasi ketiga.

4.0 Rasional dan Faedah Inovasi

Walaupun muzik merupakan mata pelajaran wajib di sekolah rendah, bahan-bahan pengajaran amat terhad dan kandungan buku-buku Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) juga kurang sesuai. Kebanyakan lagu merupakan lagu ciptaan yang digunakan sejak 1983, dan tidak searas dengan kehendak pedagogi terkini seperti kaedah Kodaly dan Orff. Sebagai contoh, implementasi kaedah-kaedah tersebut memerlukan koleksi lagu skel pentatonik, tetapi kebanyakan lagu yang disarankan dalam sukatan KBSR adalah dalam skel major. Antara kelemahan lain yang ketara adalah kekurangan lagu rakyat Malaysia, dan saranan aktiviti berkaitan dengan alat muzik Malaysia.

Sukatan pelajaran sekolah menengah pula hanya menegaskan permainan kibod, ensemble gamelan dan caklempong. Gamelan dan caklempong merupakan alat muzik yang mahal, dan hanya boleh diperolehi dari Semenanjung Malaysia ataupun Java dan Sumatera. Selain itu, untuk menjalankan aktiviti kebudayaan di sekolah, hanya sebilangan kecil sekolah menengah mampu membeli alat muzik tradisional yang mahal seperti caklempong dan gamelan. Untuk sekolah-sekolah Sarawak, alat-alat muzik tempatan merupakan pilihan relevan yang jauh lebih murah. Ini kerana Sarawak mempunyai pelbagai jenis ensemble tempatan seperti ensembel *peruncung* (kaum Bidayuh), ensemble *sape* dan *jatung utang* (kaum Kenyah) dan ensembel *engkerumong* (kaum Iban) yang jauh lebih murah dan bermakna kepada pelajar Sarawak. Ensembel *peruncung* amat sesuai untuk sekolah rendah disebabkan oleh pola irama dan teknik bermain yang mudah dikuasai.

Selain itu, pada hujung abad ke-20, pendidik-pendidik muzik di negara Barat menunjukkan minat untuk mengkaji dan mempopularkan muzik dari seluruh dunia, khasnya muzik Asia dan Afrika di sekolah. Pada masa yang sama, pendidik di Asia dan Afrika juga berusaha untuk membawa muzik rakyat negara sendiri ke bilik darjah. Suatu bidang baru, yang digelar "Muzik dunia" muncul dan pelbagai bahan berasaskan tradisi muzik etnik telah disediakan. Tetapi kebanyakan pendidik muzik mendapati bahawa mereka tidak dapat mengajar skop yang begitu luas kerana masa terhad. Lagu Kenyah memberi sumbangan yang khusus, kerana walaupun lagu ini mempunyai melodi ciri Asia, ianya masih mengikut sintaks muzik klasik Barat yang membolehkannya ditulis dalam notasi muzik Barat.

5.0 Pendekatan Pendidikan Muzik

5.1 Kaedah Kodaly

Kaedah Kodaly diperkembangkan dalam sistem pendidikan Hungary di bawah pimpinan Zoltan Kodaly (1882-1987). Kodaly mempercayai bahawa penguasaan literasi muzik merupakan hak asasi sejagat. Justeru, muzik harus diajar secara berkesan kepada semua murid di semua sekolah tanpa memerlukan alat muzik yang mahal. Matlamat ini boleh dicapai melalui satu sistem pengajaran muzik melalui nyanyian. Menurut Kodaly, "*Singing is the best foundation for musicianship*". Lagu yang digunakan sebagai bahan pengajaran dalam kaedah Kodaly dipilih secara teliti, seboleh-bolehnya lagu rakyat sejati, kerana menurut beliau "*the folk songs of a child's own heritage should be the vehicle of all early instruction*".

Aspek lain yang penting dalam kaedah Kodaly adalah pengajaran konsep muzik secara sistematik, mengikut sekuens yang tetap berdasarkan perkembangan kefahaman muzik kanak-kanak. Sebagai contohnya, dalam pengajaran pic dan melodi, peringkat permulaan adalah seperti berikut.

- (i) *s m* (ii) *l s m* (iii) *m r d*
- (iv) *l s m r d (the anhemitonic do-pentatonic scale)*
- (v) *extensions of the do-pentatonic scale into the lower and higher octaves*
- (vi) *la-pentatonic, so-pentatonic and re-pentatonic scales*

Justeru, guru yang mengimplementasikan kaedah Kodaly memerlukan koleksi lagu yang mempunyai pelbagai set ton. Di sini, guru-guru di Malaysia menghadapi halangan besar kerana kebanyakan lagu yang disarankan dalam buku-buku KBSR dan buku lain di pasaran merupakan lagu ciptaan dalam skel major atau minor sahaja. Untuk pengajaran enam peringkat permulaan yang dinyatakan tadi, mereka memerlukan lagu pentatonik, yang hanya merupakan tiga peratus daripada lagu yang disarankan dalam buku-buku KBSR. Oleh kerana kebanyakan lagu Kenyah dan Kadazandusun

merupakan lagu pentatonik, lagu-lagu tersebut dapat memenuhi kekurangan bahan berkaitan.

5.1.1 Repertoire lagu Kenyah

Menurut kajian saya di daerah Baram, kaum Kenyah mempunyai pelbagai lagu yang mempunyai melodi dan ritma yang menarik, dan kebanyakannya menggunakan skel pentatonik. Di rumah panjang Kenyah, *belian dadu* (lagu tarian panjang) dinyanyikan secara *capella* (tanpa iringan) semasa peserta menari mengikut arah lawan jam sepanjang serambi (*ruai*) rumah panjang. Gerakan tarian (*tu'ut dadu*) adalah mudah. Langkah asas adalah melangkah kaki kanan, mengheret kaki kiri, dan sebaliknya. Kadang kala, kaki akan dihentak setiap empat kiraan ataupun pada hujung frasa. Walau bagaimanapun, terdapat variasi gerakan yang mengiringi lagu-lagu khusus. Satu ciri menarik lagu tarian ini ialah kebanyakan lagu *belian dadu* adalah lagu pentatonik (skel pentatonik: *d r m s l d'*).

Selain *belian dadu*, terdapat juga lagu jenis lain seperti lagu yang dikaitkan dengan muzik alat instrumental seperti *sape*.

Beberapa contoh koleksi lagu yang telah didokumentasikan saya. Lagu-lagu tersebut diperolehi daripada 10 buah kampung Kenyah di daerah Baram dan Belaga. Ton set dan mod lagu mengikut analisis kaedah Kodaly juga diberikan pada Jadual 1.

Jadual 1: Contoh lagu Kenyah

Bil.	Tajuk	Set ton	Mod	Kategori
1.	<i>Ateklan</i>	M: $\underline{s} l d r m s$ H: $s l t d'$	<i>Do-pentatonic</i>	<i>Belian Dadu</i>
2.	Nombor Satu Nombor Dua	$\underline{s} l d r m s l$	<i>Do-pentatonic</i>	<i>Belian Dadu</i>
3.	<i>Pui Ngeleput Burui</i>	$\underline{s} l d r m$	<i>Do-pentatonic</i>	Lagu yang dikaitkan dengan tun <i>sape</i>
4.	<i>Sun Suma</i>	$\underline{s} l d r m$	<i>Do-pentatonic</i>	Lagu dan tarian berkumpulan
5.	<i>Lane Tuyang</i>	M: $\underline{s} l d r m s$ H: $\underline{s} d r m s l d'$	<i>Re-pentatonic</i>	<i>Belian Dadu</i>
6.	<i>Lane (versi Uma Sambop)</i>	$\underline{s} l d r m$	<i>Do-pentatonic</i>	<i>Belian Dadu</i>

Daripada Jadual 1, adalah jelas dilihat terdapat ciri-ciri skel pentatonik serta gerak tari tradisional yang mudah dan berirama. Justeru, lagu-lagu ini amat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran muzik kaedah Kodaly

peringkat permulaan. Nyanyian harmoni dua lapisan suara juga amat sesuai sebagai bahan pengajaran untuk memperkenalkan konsep harmoni dan kemahiran nyanyian koir yang juga ditegaskan dalam kaedah Kodaly. Contoh 1-6 menunjukkan lirik-lirik dan skor-skor lagu tarian berkenaan.

Contoh 1: Ateklan

Lirik	Terjemahan	Versi Bah. Melayu
Pemong Jaiee telu tiang Alem ini alem ini edang bulan Alem , alem ini Edang, edang bulan Ateklan nelan nalo ina tuyang	Tonight my friends we gather Tonight under the moonlight Tonight, tonight Under the light of the emerging moon, Truly I say this to you my friends	S'lamat datang tetamu ke Telang Usan ¹ Malam ini Malam bulan terang Malam, malam ini, terang terang bulan Mari kawan menari di rumah panjang

Nota: Telang Usan (bermaksud jus nenas) merupakan nama yang biasa dirujuk kepada Baram oleh kaum Kenyah (Nenek moyang kaum Kenyah mengatakan air sungai tersebut manis seperti jus nenas)

Skor 1: Ateklan

Atek Lan

s, l, d r m s Belian Dadu widely known in the Baram
Transcribed by Chong Pek Lin

Pe-mong Jai- ee te-lu - tu - yang A - lem i -
 ni a-lem-i-ni e - dang bu - lan alem i -
 ni a-lem-i-ni e - dang bu - A - lem a-lem i -
 ni E - dang e-dang bu - lan
 ni E - dang e-dang bu - lan A - tek-
 lan Ne-lanna-lo i - na tu - yang
 lan Ne-lanna-lo i - na - tu - yang

Contoh 2: Nombor Satu Nombor Dua (lagu mendayung sampan)

Lirik	Terjemahan (Bah. Inggeris)	Versi Bah. Melayu
<p>Mesai muit, Telu tiang lulau lan telit Lulau telit piping, Lulau telit piping langan Nelane.</p> <p>Korus: Nombor satu, nombor dua Le mesai cha lidung sungai Neken cha lidung tu'on Lo'uban lan tawai</p>	<p><i>Paddle on my friends, To the quiet part of the river Straight and light as the dart of a blowpipe we speed Truly so.</i></p> <p>Chorus : <i>Number one, number two, Paddle to the sheltered part of the river Pole through the rapids We recall the course of the journey</i></p>	<p>Mari kawan, mari mendayung Menghala Ulu Baram Dayung dayung sampan Lurus laju bagai anak panah, Dayung sampan</p> <p>Korus: Nombor satu, nombor dua Mendayung ke hulu sungai Galah rentas jeram, Selamat sampai ke rumah panjang</p>

Skor 2: Nombor Satu Nombor Dua (Transkripsi oleh Chong Pek Lin)

Me - sai Mu - it Te - lu ti - ang lu - lau
Li - wet li - wet Li - ni tu - yang ken - dau - -

lan te - lit Lu - lau te - lit pi - ping lu - lau te -
lan tu - - ket Ken - dau tu ket ma - put Ken - dau tu -

lit pi - ping la - ngan ne - lan - e
ket ma - put bu - lan - - ne - lan - e

Chorus:
Nom - bor sa - tu nom - bor du - a Le me - sai cha - li - - dungsu -

-ngai Ne ken cha - li - dungtu on - lo' - u - ban lan ta - - wai

Aksi yang mengiringi lagu tersebut jelas menggambarkan aksi mendayung sesebuah sampan. Semasa menyanyikan seni kata lagu, peserta-peserta akan mempersembahkan gerakan *step-brush* yang biasa, bergerak dalam bulatan mengikut arah lawan jam. Semasa menyanyikan korus, penari-penari tidak akan bergerak tetapi mempersembahkan aksi-aksi berikut seperti yang digambarkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Aksi semasa persembahan lagu Nombor Satu Nombor Dua

Kiraan	Kaki	Tangan
1	Step back right foot.	Swing arms down together as if holding a paddle (in a right-back diagonal direction)
2	Step (front) left foot	Bring arms forward and up
And	Click heels (right to left)	

Contoh 3: *Pui Ngeleput*

Melodi lagu ini merupakan motif asas untuk melodi *sape* yang terkenal yang digunakan untuk pelbagai tarian berkumpulan seperti *datun julud*. Melodi dimainkan oleh *sape* pertama manakala *sape* kedua memainkan iringan *ostinato*.

Lirik

Terjemahan (Bah. Inggeris)

<i>Pui ngeleput burui ia</i>	<i>Grandfather shoots the magic bird with his blowpipe</i>
<i>Paun langan aun tiga</i>	<i>The arrow is not good</i>

Skor 3: *Pui Ngeleput*

Pui Ngeleput Burui

s, l, d r m

Kenyah Sape tune (for long-dance)
Lyrics: Traditional; based on folk-t

m m m r d r m m s, s,
Pui Nge- le - put - Bu - rui i - a Pa -

d d d r m r m d d l, s,
un la - - ngan - a - un ti - - ga

Saranan pengajaran:

Kelas boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang mana satu kumpulan menyanyikan melodi sementara kumpulan yang satu lagi meniru *sape* kedua yang memainkan *ostinato: do do so*, diiringi isyarat tangan untuk solfege.

Contoh 4 : Sun Suma

Skor 4: Sun Suma

Kenyah folksong (Uma Sambop)

no

Sun su-ma Sun su-ma sun su-ma-ha - ha ha ha Ha - ha ha ha ha la-su
 mi mi re mi-mi re mi mi re do la-so do re mire do la-so do do do

ma
do

Contoh 5: Lane Tuyang (Truly my friends)

Lagu ini merupakan satu lagi *belian dadu* yang popular yang selalu dipersembahkan dalam harmoni dua lapisan suara.

Lirik dalam Kenyah

Terjemahan (Bah. Inggeris)

<p><i>Lane tuyang nelan ne sa-lan amat</i> <i>Lane tuyang telu neman lan palat</i> <i>Neman palat ujuh</i></p> <p>Chorus: <i>Lan de talan, lan de tuyang</i> <i>Menjam puyan kumbin</i> <i>Lan de tuyang</i></p>	<p><i>My friends, let us celebrate</i> <i>My friends, let us shake hands</i> <i>Lets shake hands</i></p> <p>Chorus: <i>Truly, my friends</i> <i>How do you do?</i> <i>How are things going, my friends?</i></p>
--	---

Skor 5: Lane Tuyang (versi 1) (Deskan bermula pada bar 6)

Lan- e tu- -yang ne-lan ne- -sa lan -la- - -mat
Lan- e tu- -yang te- lu ki- -danglan pa - - -duk

Lan- e tu- -yang te- lu ne- manlan - -pa - - -lat ne- -
Lan- e tu- -yang te- lu ki- -danglan - -pa - - -duk Ki- -

man pa-lat u- -juh - lan de ta - -lan lan de tu - yang men
dang paduk ba- -tu - lan de tu - -san lan de tu - yang men

jam pu - yan kum - bin lan de tu - - - yang
jam pu - yan kum - bin lan de tu - - - - - yang

Contoh 6: Lane (Versi Uma Sambop)

Lirik dalam Kenyah

- 1 *Itung na'ikem tapi
Ikem tiang ngan sada baiee
Sada baiee sungai lan kanan*
- 2 *Itung na' ikem lundo
Ini tiang kenda lan lao,
Kenda lao kayu lan jian*

Chorus : *Han ne la--ne ,
lane-e -e*

Terjemahan (Lirik sepadan dengan melodi)

1. Tuan singgah di sini
Bagaikan singgah di tebing sungai
Di tebing sungai besar perkasa
2. Tuan tidur di sini
Bagaikan di bawah pokok saja
Di bawah atap rumah yang buruk

Korus: Sesungguhnya begitu

Skor 6: Lane

TRADISIONAL LANE

Melody

I - tung na' i kem ta - pi i- kem ti -ang ngan -
I - tung na' i kem lun - do' i- kem ti -ang ken -

su - ngai lan ka -
ka - yu lan ji -

sa - da bai - ee sa - da bai- ee su - ngai lan ka -
da lan la - o ken- da la - o - ka - yu lan ji -

nan an Han ne - lan - e lan -
nan Ah - - Han ne - - lan - e lan

e - e

5.1.2 Lagu Kadazandusun

Suatu perkara yang menarik tentang lagu Kadazandusun ialah sebahagian besar lagu kaum Kadazandusun juga menggunakan skel pentatonik yang juga dikaitkan dengan alat muzik tradisional *sompoton*. Lagu-lagu yang dinyatakan pada Jadual 3 sangat terkenal dalam kalangan Kadazandusun di Sabah. Lagu-lagu ini menggunakan melodi berdasarkan skel tradisi kaum Kadazandusun. Suatu perkembangan kontemporari di Sabah ialah nyanyian lagu-lagu tersebut dilakukan dengan iringan rentak dan tarian sumazau.

Jadual 3: Contoh lagu Kadazandusun

Bil.	Tajuk	Set ton	Mod
1.	<i>Taragang Rasuk</i>	$\underline{s} \mid d r m s \mid d'$	So-pentatonic
2.	<i>Kada do Mombit Kombit</i>	$\underline{s} \mid d r m s \mid d'$	So-pentatonic

Contoh 7: *Taragang Rasuk* (Baju merah)

Lagu ini dipopularkan oleh mendiang John Gaisah dan biasanya dinyanyikan dan ditarikan berasaskan rentak Sumazau (tarian tradisional Kadazandusun). Lagu ini diterjemahkan oleh Anne Lajingga, salah seorang pensyarah Institut Perguruan Batu Lintang. Versi Bahasa Melayu diubah suai daripada terjemahan asal untuk disesuaikan dengan melodi lagu ini.

Lirik (ekstrak)	Versi Bah. Melayu	Terjemahan Bah. Inggeris
<i>Oi taragang rasuk Pointutuno oku daa ngaran nu Oi taragang rasuk Waro no nangku sangan nu</i>	Oi si baju merah Kenalkan namamu padaku Oi si baju merah Sudahkah engkau mempunya	Hei person in red (shirt/top) Please introduce yourself to me Hei person in red Do you already have a beau
<i>Muli koh nopo taragang rasuk Sumalam poh laid doho</i>	Baju merah bila kau mau pulang Bersalam padaku dulu	When you are leaving for home Please greet me before doing so
<i>Miruba kito do hari anam Moi kito intong do wayang</i>	Mari jumpa pada hari Sabtu Kita pergi menonton wayang	Let us meet on Saturday We'll go watch a movie together

Skor 7: *Taragang Rasuk*

(Transkripsi oleh Chong Pek Lin berdasarkan rakaman nyanyian John Gaisah)

1
Oi hang

2
Ta-ra-gang-ra-suk
o-ku da-di-au

3
poin tu-tu-no
nga-ro-si-on

4
o-ku da-a-nga-ran nu-
o-ku mo nong ki-bo-ros

5
Lo-

6
Oi ti

7
Ta-ra-gang-ra-suk
lo-bi-po-di

8
Wa-ro no
po-in ta-lad

9
nang ku-sa-ngan
ko di lo tam-ba

10
Mu-

11
lut

12
Mu-li ko no-po ta-ra-gang-ra-suk

13
su-ma-lam poh la-id-do-

14
ho

15
Mi-ru-ba ki-to do ha-ri a-nam

16
Mo-i ki-to in-tong do wa-yang

17

5.2 Kaedah Orff

Carl Orff memperkembangkan pendekatan pengajaran muzik untuk kanak-kanak, bermula dengan konsep bahawa perasaan mendahului kefahaman intelektual. Aktiviti Orff menggunakan bahan seperti irama percakapan kanak-kanak, lagu dan permainan kanak-kanak, tarian rakyat dan cerita rakyat. Pendekatan ini banyak menegaskan permainan dan improvisasi pola irama menggunakan alat muzik perkusi. Beliau juga mencipta alat muzik khas iaitu *the Orff instruments* yang menyerupai zailofon skel pentatonik untuk memperkembangkan muzikaliti kanak-kanak dalam bilik darjah. Adalah disarankan bahawa alat-alat muzik etnik Sarawak seperti peruncong daripada Kaum Bidayuh dan *jatung utang* daripada kaum Kenyah dapat digunakan sebagai alternatif kepada alat muzik Orff.

5.2.1 Ensembel Bidayuh: Peruncong (berdasarkan tradisi di Kampung Krusen, Tebakang). *Peruncong* merupakan alat muzik buluh yang dimainkan secara ensembel (berkumpulan) oleh kaum Bidayuh. Menurut tradisi Bidayuh, ensembel peruncong terdiri daripada satu set 8-10 batang buluh berlainan saiz yang dimainkan semasa musim nugal. Apabila petani berjalan balik dari sawah selepas aktiviti nugal, mereka akan memainkan alat ini. Tujuan permainan adalah untuk menyeru dewa-dewa menghantar hujan untuk menyuburi padi.

Alat *peruncong* tidak mempunyai pic ataupun melodi tetap. Pic alat ditentukan oleh panjang dan tebalnya batang buluh. Batang buluh dipegang dengan tangan kiri dan dipukul dengan kayu menggunakan tangan kanan. Setiap pemain diagihkan suatu pola irama ringkas yang mana beliau dikehendaki bermain secara berulang-ulang. Dengan menggabungkan 8-10 orang pemain, mereka akan masing-masing memainkan pola irama lain untuk menghasilkan suatu karya muzik yang amat menarik.

Pola-pola irama ini mudah dipelajari oleh murid-murid sekolah rendah. Untuk menghasilkan muzik ensemble, setiap ahli ensemble hanya perlu belajar bermain satu pola irama mudah sahaja. Murid-murid dengan kemahiran muzikal biasa dapat menguasai irama ini dalam masa yang singkat. Pola irama yang paling mudah dapat diagihkan kepada murid biasa manakala beberapa pola irama yang lebih mencabar dapat diagih kepada murid yang lebih handal bermain muzik.



Demonstrasi permainan *peruncung*

Gambar yang ditunjukkan merupakan demonstrasi permainan *peruncung* oleh pelajar IPBL semasa Bengkel Induksi Muzik Etnik Sabah Dan Sarawak Untuk Pensyarah Muzik Maktab-Maktab Perguruan Peringkat Kebangsaan di Kuching pada tahun 2005.

Pola irama untuk ensemble *peruncung* seperti yang diajar oleh Simon Pitu dari Dayak Cultural Foundation, berdasarkan tradisi di Kampung Krusen, sebuah kampung Bidayuh di Tebakang adalah seperti berikut.

Irama *Peruncung* untuk 10 pemain (Transkripsi oleh Chai Sheau Ming)



5.2.2 *Jatung utang* merupakan alat muzik Kenyah kategori zailofon yang mempunyai fungsi sama dengan alat muzik pentatonik Orff. *Jatung Utang* terdiri daripada 9-13 kepingan kayu (kayu keratong atau jelutong) yang ditiunkan pada skel pentatonik anhemitonik (d, r m s, l, d' r' m's' l'd" r" m"). Keping-keping kayu itu dipasangkan pada tali dan digantung pada kotak

kayu yang berfungsi sebagai alat bergaung. Oleh sebab ton *jatung utang* adalah *non-sustaining*, ianya dimainkan dengan cara mengulangi not beberapa kali dengan pantas. Setiap pemain *jatung utang* memegang dua batang pemukul kayu dan memainkannya secara selari, biasanya dalam jeda minor ketiga.



Jatung Utang dalam ensemble Uma Baka, Belaga (November 2004)

5.3 Ensemble instrumental Kaum Kenyah: Sape, Jatung Utang, Lutong sebagai alternatif kepada ensemble caklempong

Di rumah panjang orang Kenyah, ensembel biasanya mengandungi *sape*, satu atau dua buah *jatung utang* dan pelbagai alat lain seperti harmonika, *lutong*, suling dan gitar. Kadang kala, terdapat alat lain seperti botol berisi air, maracas dan *sape bio* (sejenis *sape* besar dengan satu tali sahaja). Jenis alat dalam ensembel tidak tetap dan berbeza dari satu kampung ke satu kampung yang lain.

Dalam ensembel, sebuah *sape* dan sebuah *jatung utang* memainkan melodi secara *unison* manakala *sape* kedua atau *jatung utang* kedua memainkan *ostinato* bermelodi ataupun melodi berbalas. Ketiga-tiga alat ini menggunakan skel pentatonik. Justeru, ia dapat dipelajari dan dimainkan dalam kombinasi harmoni yang mudah tanpa pengetahuan teori yang mendalam. Oleh itu, alat-alat ensembel ini dapat diperkenalkan di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah rendah.

5.3.1 Sape

Sape, dikelompokkan dalam kategori kordofon dan merupakan sejenis lut yang dipetik. Alat ini dimainkan oleh kaum lelaki sahaja dalam kalangan kaum Kenyah, Kayan, dan kaum Orang Ulu lain. *Sape* diukir daripada kayu aro (atupun kayu lain seperti meranti). Pada zaman dahulu, dua utas tali rotan digunakan. Pada masa kini, tiga hingga empat tali logam atau nilon dipasangkan pada badan *sape*. Antara jenis tali yang digunakan ialah tali fuis, tali nilon untuk memancing, tali brek basikal atau tali gitar.

Beberapa kepingan batang kayu atau buluh (biasanya 9-13 batang) digunakan sebagai fret atau *kiep*, yang dipasangkan di bawah tali (*ting*) pertama yang merupakan tali melodi. Pelekat yang digunakan adalah sejenis lilin lebah. Fret ini dapat digerakkan untuk membentuk beberapa jenis skel pentatonik.

Sistem tiunan sape: Apabila *sape* dimainkan secara berduet, pemain utama akan memainkan melodi, dan membuat improvisasi secara spontan berdasarkan melodi asas. Pemain pengiring kadang-kadang hanya memainkan *ostinato* yang mudah seperti **d d s**, ataupun memainkan melodi berbalas atau kauntermelodi yang kompleks.

Pic tali tidak tetap dan bergantung kepada saiz dan jenis tali yang digunakan. Walau bagaimanapun, jeda-jeda dan skel yang dihasilkan oleh tali dan *kiep* adalah tetap. Tali pertama dan kedua diitunkan pada pic yang sama, manakala tali yang ketiga ditiunkan pada jeda perfek kelima ke atas.

Kiep atau fret dipasangkan untuk menghasilkan pelbagai skel pentatonik. Sebagai contohnya, untuk melodi tarian panjang (*datun Julud*) dan tarian solo pahlawan (*Kanjet Laki*), skel yang digunakan adalah skel pentatonik anhemitonik (*d, r m, s l*) manakala untuk tarian solo perempuan (*Kanjet Leto*), skel yang digunakan adalah sejenis skel pentatonik hemitonik (*d, m, f, s, ta d'*).

5.3.2 Lutong

Lutong adalah alat jenis petikan *kordofon* dengan enam tali, dengan pic *m, r, s, s, d' d*. Alat ini biasanya dimainkan oleh kaum perempuan dengan petikan ibu jari dan jari telunjuk sahaja. Gambar berikut menunjukkan cara *lutong* dimainkan.



Cara *lutong* dimainkan

Lutong boleh dimainkan secara berduet ataupun dalam ensemble. Setakat ini, saya hanya mendapati *lutong* di sebuah kampung Kenyah iaitu Long Semiyang di Ulu Baram.

6.0 Kesimpulan

Berdasarkan pengalaman saya, didapati genre-genre dan alat-alat muzik yang yang diketengahkan pada kertas kerja ini amat sesuai digunakan di sekolah. Walaupun genre-genre tersebut berasal daripada kumpulan minoriti di Malaysia tetapi apabila diperkenalkan kepada pelajar institusi perguruan dan pelajar sekolah, ianya mendapat sambutan yang baik. Sejak tahun 1997, saya telah mengajar lagu-lagu Kenyah kepada ahli koir IPBL dan UNIMAS, pelajar-pelajar institut perguruan, guru-guru sekolah, serta murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar sekolah menengah seluruh Sarawak. Bengkel-bengkel juga telah diadakan untuk para pensyarah, guru-guru sekolah serta pelajar institut perguruan lain. Bekas pelajar saya telah mengajar lagu tersebut dengan jayanya di beberapa buah sekolah di Sarawak.

Sempena implementasi Projek ISME-Gibson pada Februari 2007, sebuah pasukan yang terdiri daripada 20 orang pelajar dan empat orang pensyarah telah menjelajahi ke pelbagai daerah Sarawak untuk mengkaji beberapa genre muzik etnik daripada penghuni rumah panjang. Bengkel muzik etnik juga diadakan di sekolah-sekolah untuk memperkenalkan genre-genre tersebut. Peserta-peserta bengkel kami termasuk murid-murid sekolah rendah di daerah Lubok Antu dan Belaga, murid sekolah menengah dari Bintulu dan pelajar Sekolah Seni (pengkhususan seni, tarian dan muzik) di Kuching.

Respon secara amali dan maklum balas secara bertulis adalah amat menggalakkan. Kebanyakan peserta dapat bermain *peruncung* dan menguasai beberapa buah lagu serta geraktari. Sebilangan peserta juga dapat menguasai kemahiran permainan alat lain walaupun masa untuk bengkel begitu singkat.

Bibliografi

- Anderson, W.M., & Campbell, P.S. (1996). *Multicultural perspectives in Music education*. (2nd Edition). Washington, D.C.: Music Educators National Conference.
- Campbell, P. S.(2004). *Teaching music globally*. New York: Oxford University Press.
- Choksy, L. (1988). *The Kodaly method*. New Jersey: Prentice Hall.
- Chong Pek Lin. (1997). *The dance-songs, children's songs and basic dance movements of the Baram Kenyah and Kayan: Implications for Music Education in Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana yang belum diterbitkan. Samarahan, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

- Chong Pek Lin. (1998). *Songs from the Kenyah community*. Kuching, Sarawak: Dayak Cultural Foundation.
- Chong Pek Lin. (2004). *Interim Report October 2004 for "From Upriver Longhouses to the modern classroom: Documenting and introducing Kenyah songs, dances and instrumental music to Malaysian schoolchildren"*. A project for Sarawak Development Institute under the U.S. Ambassador's Fund For Cultural Restoration.
- Chong Pek Lin. (2006). *Songs from the Baram: Kenyah songs from Upriver Longhouses*. Kuching, Sarawak: Sarawak Development Institute.
- Gorlinski, V. (1988). Some insights into the art of sape playing. *The Sarawak Museum Journal*, 36(60).
- Gorlinski, V. (1989). *The Sampeq of the Kenyah of East Kalimantan, Indonesia: A case study of the recreational music tradition*. Tesis Ijazah Sarjana. University of Hawaii.
- Matusky, P. (1990). Music styles among the Kayan, Kenyah-Badang and Malay peoples of the Upper Rejang River: A preliminary survey. *The Sarawak Museum Journal*, 16(62).
- Matusky, P. & Tan, S. B. (1997). *Muzik Malaysia: Tradisi klasik, rakyat dan sinkretik*. Pulau Pinang & Kuala Lumpur: The Asian Centre.
- Merriam, A.P. (1964). *The anthropology of music*. Evanston, Illinois: Northwestern University Press.
- Wheeler, L. & Raebeck, L. (1989). *Orff and Kodaly: Adapted for the elementary school*. Dubuque, Iowa: Wm. C. Brown.